

PINDAAN AKTA DBP DAN PELBAGAI



Hasrat Kebangsaan

Saya ingin berhujah bahawa semenjak menjadi Perdana Menteri, terdapat tiga langkah penting yang dilakukan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob untuk memperkasakan bahasa Melayu.



Pertama, mengadakan kolaborasi terbuka antara cabang legislatif dengan cabang eksekutif negara (khususnya antara beliau sebagai Perdana Menteri dengan Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim sebagai Yang Dipertua Dewan Negara). Kedua-dua tokoh ini telah mengadakan pertemuan khas bagi membincangkan isu kebahasaan dengan sekumpulan pakar dan pejuang bahasa yang berlangsung dalam satu mesyuarat di bangunan Parlimen pada Mac 2022. Pertemuan tersebut dilanjutkan dengan satu sidang “meja bulat” di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 25 April 2022.

Kedua, beberapa minggu sebelum itu, beliau telah mengumumkan dalam Perhimpunan Agung tahunan UMNO berkaitan dengan hasrat kerajaan untuk meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi membolehkan DBP mengambil tindakan terhadap mana-mana pelanggaran bahasa Melayu termasuklah pada peringkat daerah. Beliau menegaskan bahawa UMNO mesti menjuarai usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Ketiga, pada peringkat antarabangsa, antara inisiatif yang sedang diambil semasa pentadbiran Dato' Sri Ismail Sabri termasuklah mewajibkan pelajar asing di Malaysia supaya mempelajari bahasa Melayu. Beliau juga membayangkan hasratnya untuk mengaktifkan kembali Pusat Pengajian Melayu atau Kursi Pengajian Melayu yang pernah wujud di beberapa buah universiti di Eropah, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, China, Jepun dan Korea Selatan. Inisiatif “memasyarakatkan” bahasa Melayu dalam acara-acara tertentu di sekitar Asia Tenggara juga giat dilakukan. Umpamanya semasa lawatan ke Kemboja dan

Thailand pada Mac lalu, Perdana Menteri menggunakan bahasa Melayu semasa sidang media bersama-sama pemimpin kedua-dua buah negara. Semua itu membayangkan hasrat dan komitmen beliau untuk mempromosikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di ASEAN.

Dari satu segi, dapat dikatakan bahawa tiga langkah tersebut menimbulkan kehairahan dan kegembiraan dalam kalangan pejuang dan pencinta bahasa Melayu. Sasterawan Negara, Datuk Dr. Anwar Ridhwan melalui tulisan beliau dalam sebuah akhbar arus perdana turut mengalu-alukan inisiatif Perdana Menteri, dengan mengemukakan teguran ikhlas dan sindiran halus. Datuk Dr. Anwar telah menimbulkan isu “keazaman politik” yang merujuk pelaksanaan pelbagai hasrat yang disuarakan oleh Perdana Menteri. Selain itu, Datuk Dr. Anwar juga mengingatkan tentang peri pentingnya “kesuburan bahasa Melayu di tanah air” untuk layak menjadi bahasa utama ASEAN, sekali gus menimbulkan minat di serata dunia. Di samping mengalu-alukan inisiatif Perdana Menteri tersebut, Sasterawan Negara itu secara tidak langsung juga menegur pihak berkuasa (pemimpin politik dan pegawai tinggi kerajaan) yang sering “mengabaikan” pelbagai dasar nasional yang telah diisytiharkan.

Isu “keazaman politik” yang ditimbulkan Anwar dan perlunya “kesuburan bahasa Melayu di tanah air” mengingatkan saya kepada cogan kata yang hebat dan slogan muluk yang dicanangkan dari semasa ke semasa, tetapi kemudian ternyata ibarat “embun pagi yang lesap ditimpa cahaya matahari”. Hal ini mengingatkan saya kepada satu sidang Dewan Negara kira-kira 10 tahun lalu. Saya teringat Senator Dato’ Idris Buang dari Sarawak (menurut *hansard* 26 April 2010) bertanya, “bagaimanakah perkembangan mutakhir mengenai keberkesanan konsep (gagasan) Satu Malaysia: Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan”. Selain itu, dalam sidang 5 Mei 2010 pula, Senator Datuk Majjol Mahap dari Sabah menanyakan soalan yang lebih khusus merujuk langkah kerajaan menanamkan semangat “penerimaan” (*acceptance*) dan bukan

tahan sabar (*tolerance*) yang merupakan satu daripada unsur dalam gagasan Satu Malaysia. Saya teringat sekurang-kurangnya ada enam orang Senator lain menanyakan soalan yang hampir sama maksudnya. Mereka bertanya, apakah yang sudah terjadi terhadap janji-janji yang dicanangkan dengan ungkapan puitis dan slogan yang muluk?

Sebagai Senator pada ketika itu, dalam sidang Dewan Negara yang sama, saya sendiri turut menanyakan berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan penghayatan generasi muda terhadap falsafah dan ideologi negara (terutamanya Perlembagaan dan Rukun Negara dan dasar-dasar rasmi negara yang lain seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Islam Hadhari. Saya timbulkan kembali perkara tersebut untuk mengingatkan bahawa pelbagai dasar kebangsaan telah dilancarkan dengan penuh semangat semenjak kita merdeka setengah abad yang lalu. Namun begitu, kebanyakan dasar tersebut tidak dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Sebaliknya secara beransur-ansur “diabaikan” atau dipandang ringan” oleh pihak berkuasa walaupun dimulai dengan slogan yang muluk, tetapi tidak lama kemudian tenggelam ditelan zaman.

Dalam konteks perbincangan ini, mungkin kita ingin bertanya, apakah yang telah dicapai oleh bahasa Melayu dengan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan setelah sekian lama kita merdeka? Kita mengharapkan seluruh rakyat faham dan fasih berbahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi awam antara kaum dengan sesama kaum. Akan tetapi, kita kecewa kerana dalam operasi banciaan penduduk beberapa tahun lalu, ternyata masih ada warganegara yang tidak faham untuk berbahasa Melayu sehingga tidak dapat menjawab soalan-soalan yang mudah dalam bahasa Melayu. Selain itu, dari semasa ke semasa juga, kita perhatikan individu-individu yang diwawancara di kaca televisyen menjawab soalan dalam bahasa Melayu secara lintang-pukang menggunakan bahasa yang

bercampur aduk walaupun mereka dewasa selepas merdeka. Hal ini merupakan sebahagian daripada contoh kecil tentang kegagalan kita memasyarakatkan atau “menyebarkan” penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Banyak contoh lain yang boleh dirujuk untuk membayangkan kekecewaan dan kekesalan kita. Kita mengharap nama jalan dan nama bangunan utama akan menggunakan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, situasi yang terdedah kepada kita adalah sebaliknya.

Pada akhirnya, saya ingin menegaskan bahawa saya tergerak untuk menulis artikel ini untuk mengalu-alukan inisiatif Perdana Menteri dan Tan Sri Dato’ Seri Utama Rais Yatim yang secara terbuka telah mengadakan perbincangan (mencapai kata sepakat dan bekerjasama secara terbuka dengan pejuang-pejuang bahasa) untuk memperkasakan kembali kedudukan bahasa Melayu yang semakin layu dan seakan-akan diabaikan, berbeza daripada keadaannya pada zaman Allahyarham Tun Syed Nasir hampir 50 tahun yang lalu. Pada hakikatnya, selain dasar dan kedudukan bahasa Melayu, banyak dasar kebangsaan yang lain sedang terabai seperti yang pernah disuarakan oleh beberapa orang anggota Dewan Negara kira-kira 10 tahun yang lalu. Pelbagai “dasar” dan “gagasan” kebangsaan telah diketengahkan semenjak kita merdeka sebagai satu amal dan usaha “mengisi kemerdekaan” itu. Namun begitu, entah disadari atau tidak, pelbagai “dasar dan gagasan” kebangsaan itu telah terabai begitu sahaja. Penyelesaiannya tidak mencukupi dengan hanya meminda “akta-akta” berkenaan seperti yang hendak dilakukan terhadap Akta Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang. Sesuatu yang tidak kurang pentingnya seperti yang ditegaskan oleh Datuk Dr. Anwar Ridhwan ialah keazaman politik dan kesedaran bahawa bahasa Melayu di tanah air kita wajib disuburkan dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak. □

Datuk Dr. Firdaus Abdullah, Mantan Ahli Dewan Negara dan Mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.